

PM selar

BH - 1 DEC 1990

pemimpin

penting diri

PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar beberapa pemimpin parti politik yang sengaja meraka-reka isu bagi kepentingan politik mereka sendiri.

Tindak-tanduk sedemikian, katanya, adalah punca yang menyebabkan masyarakat hari ini melihat politik bukan lagi sebagai alat untuk pembangunan, tetapi sebagai satu profesion bagi kepentingan peribadi.

"Sama ada mereka menyertai parti lawan atau kerajaan, ramai yang menumpukan kepada nikmat dan bukannya khidmat. Perpecahan dalam Umno juga disebabkan kepentingan diri orang tertentu.

"Isu sebenarnya tidak ada, tetapi isu itu dicipta dan diada-adakan bagi menyokong perjuangan diri sendiri," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno semalam.

Beliau berkata, pemilihan Majlis Tertinggi Umno pernah diadakan setahun sekali tanpa masalah besar, tetapi ia kini diadakan tiga tahun sekali dengan pelbagai 'penyakit'.

Yang bertanding, katanya, kadangkala terlu-

pa memikirkan apa yang baik untuk parti, kecuali kepentingan sendiri.

Beliau menegaskan sikap itulah yang akan menyebabkan parti menjadi hancur seperti pemilihan 1987.

"Pengajaran yang harus kita sematkan dalam hati ialah pertandingan boleh membawa perpecahan jika kita mengutamakan calon tertentu dan tidak mengutamakan parti.

"Apa yang berlaku ialah penyokong seseorang calon akan terus mengikat dirinya kepada calon itu, sama ada calon itu menang atau kalah. Jika yang kalah mengasingkan diri bersama pengikutnya, parti akan menjadi lebih kecil.

"Ini bermakna parti boleh berpecah setiap kali diadakan pemilihan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menasihatkan perwakilan supaya memilih calon mengikut rekod perkhidmatannya yang baik di dalam parti atau kerajaan kerana ciri itu penting untuk kemajuan rakyat.

"Buku-buku yang mengandungi tohmahan dan fitnah, tuduh-menyuduh, caci-mencaci patut dielakkan," katanya.